

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24/12/2018

# Swasta diminta bantu veteran tentera

BH - 24/12/2018 m/s: 2

→ PM syor kolaborasi PERHEBAT, GLC tawar pekerjaan untuk anak, bakal pesara

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Fazrik Kamarudin  
cnews@nstp.com.my

■ Kuala Lumpur

**T**un Dr Mahathir Mohamad mahu syarikat swasta lebih aktif membantu kerajaan menjaga kebajikan veteran tentera dan anak mereka khususnya menerusi program penempatan pekerjaan.

Perdana Menteri berkata, kerjasama dan sokongan pihak swasta serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dengan mengutamakan pesara tentera dan anak mereka mendapat pekerjaan akan mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing.

"Situasi ekonomi negara ketika ini agak mencabar. Keupayaan kerajaan memberikan peruntukan agak terhad. Jadi, saya berpenda-

pat kolaborasi Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) bersama syarikat swasta dan GLC mampu menanganinya.

"Kita harap pihak swasta akan sensitif dan proaktif membantu kerajaan dalam program membela kebajikan bakal pesara dan veteran ATM," katanya berucap pada perasmian Majlis Konvokesyen PERHEBAT Ke-52 di Wisma Perwira di sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu.

Yang hadir sama, Timbalannya, Liew Chin Tong, Panglima Angkatan Tentera (ATM), Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin dan Pengerusi PERHEBAT, Datuk Seri Abdul Aziz Ibrahim.

Dr Mahathir turut merujuk Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) (2016-2020) yang menyaksikan sektor

swasta kekal menerajui pertumbuhan ekonomi, dengan pelaburan dijangka berkembang 5.7 peratus setahun.

## Hargai pengorbanan tentera

Beliau berkata, berdasarkan unjuran ini, ia menjadi platform terbaik kepada syarikat swasta membantu kerajaan dan pada masa sama menghargai serta dapat membalas jasa pengorbanan tentera.

"Swasta perlu menawarkan peluang bekerja dalam latihan (OJT) untuk bakal pesara, selain memperluaskan kepada anak mereka peluang pekerjaan mengikut bidang pengajian mereka.

"Kita perlu bersama-sama membentuk negara berpendapatan tinggi, sekali gus mengembalikan status Malaysia sebagai 'Harimau Asia'," katanya.

Beliau yakin, veteran tentera generasi baharu mampu menjadi sebahagian tenaga kerja mahir da-

lam pelbagai bidang seperti automatif, sekali gus menyumbang kepada Revolusi Industri 4.0.

Sementara itu, Mohamad mengingatkan semua pihak memastikan keamanan dikecapi negara ketika ini dipertahankan dengan tidak mewujudkan perseteruan dan mengapi-apikan isu agama serta perkauman secara melampau.

Katanya, api pergaduhan dalam isu agama dan perkauman mudah dinyalakan, namun ia sukar ditangani serta mengambil masa panjang untuk dipulihkan.

"Sejak komunis memeterai janji meletak senjata dan berdamai, negara kita aman dan tenteram. Jangan undang perseteruan baharu, terutama dalam hal keagamaan dan perkauman melampau.

"Jika ada perbezaan, cari jalan penyelesaian, berunding, bercakap dan berdialog, tetapi jangan sampai ke peringkat pertarungan fizikal," katanya.